

15 JUN 1997

Sidang-Deklarasi

D-8 BUKA KEANGGOTAAN KEPADA NEGARA MEMBANGUN LAIN

Oleh: Mokhtar Hussain

ISTANBUL, 15 Jun (Bernama) -- Kumpulan Lapan Negara Membangun Islam (D-8), yang baru dibentuk, bersetuju membuka keanggotaannya kepada negara-negara membangun lain yang berkongsi pendapat dan pandangannya dalam menggalakkan perhubungan ekonomi.

Dalam satu deklarasasi bersama, yang ditandatangani ketua-ketua negara anggota D-8, perkumpulan itu memutuskan bahawa kerjasama juga akan diadakan merangkumi bidang-bidang lain termasuk perundingan dan penyelarasan politik dalam forum antarabangsa.

Deklarasi itu, yang dikenali sebagai Deklarasi Istanbul, dibacakan oleh Perdana Menteri Turki, Necmettin Erbakan, pada penghujung sidang kemuncak itu yang berakhir di sini, hari ini.

Selain Erbakan dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pemimpin-pemimpin lain yang menandatangani deklarasasi itu ialah Presiden Suharto dari Indonesia, Presiden Iran Ali Akbar Hashemi Rafsanjani, Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina Wajed dan Perdana Menteri Pakistan Nawaz Sharif.

Mesir diwakili Perdana Menteri Kamal el Ganzouri manakala Nigeria diwakili Menteri Industri Mohammed Halladu.

Kumpulan itu juga bersetuju untuk bekerjasama dengan negara membangun dan negara maju serta berhubung dengan pertubuhan berkaitan terutama Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Bidang lain yang mereka persetujui untuk bekerjasama ialah perdagangan, industri, kewangan, perbankan dan penswastaan, pembangunan luar bandar, sains dan teknologi, mengurangkan kemiskinan, pertanian, pelancongan, alam sekitar dan kesihatan.

D-8 juga menerima pakai enam prinsip iaitu "kedamaian dan bukannya konflik, dialog dan bukannya konfrantasi, kerjasama dan bukannya pengeksploitasian, keadilan dan bukannya ketidakadilan, kesamarataan dan bukannya diskriminasi, dan demokrasi dan penindasan".

Keenam-enam prinsip itu digambarkan oleh enam bintang dalam lambang D-8.

D-8 mempunyai kependudukan hampir 800 juta orang.

Adalah dipersetujui bahawa Bangladesh akan menjadi tuan rumah mesyuarat D-8 yang berikutnya di Dhaka pada November atau Disember.

-- BERNAMA

MOK NAK